

# UMS komited tingkat kerjasama

► Dengan universiti luar negara sebagai strategi pembangunan masa depan

UB 5.6.2014 AT

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus menjalankan kerjasama dengan universiti luar negara kerana kerjasama seperti itu mampu meningkatkan pembangunan UMS pada masa depan, kata Naib Canselor Prof Datuk Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata kerjasama seumpama itu akan memberi ruang dan peluang kepada UMS untuk berkongsi idea, strategi pembelajaran dan latihan industri dengan universiti luar sekaligus memberikan manfaat kepada pelajar dan pensyarah.

"Sebagai contoh kerjasama yang dijalin bersama Universiti Wolverhampton di Timor Leste dalam bidang minyak dan gas," katanya



ketika berucap pada majlis malam penghargaan kepada pelajar antarabangsa UMS di sini malam tadi.

Harun berkata pada masa ini UMS mempunyai 470 pelajar antarabangsa dari 33 buah negara - 390 mengambil kursus ijazah

**“**Kerjasama seumpama itu akan memberi ruang dan peluang kepada UMS untuk berkongsi idea, strategi pembelajaran dan latihan industri dengan universiti luar sekaligus memberikan manfaat kepada pelajar dan pensyarah. Sebagai contoh kerjasama yang dijalin bersama Universiti Wolverhampton di Timor Leste dalam bidang minyak dan gas **”**

## DATUK MOHD HARUN ABDULLAH

*Naib Canselor UMS*

sarjana dan 80 mengikuti pengajian sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Pada majlis itu, Harun turut melancarkan penubuhan Persatuan Pelajar Antarabangsa UMS (UMSIS) yang diketuai pelajar tahun akhir Pengajian

Pentadbiran Perniagaan, Wang Yung Qu.

Pada majlis itu, sebanyak 21 pelajar antarabangsa yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum, menerima anugerah daripada UMS.- Bernama